

14 FEB 1998

Mahathir-Rahim

SESIAPA YANG TIADA KES MAHKAMAH BOLEH BERTANDING, KATA DR MAHATHIR

RAWANG, 14 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini parti itu tidak melarang mana-mana anggotanya yang tidak mempunyai kes mahkamah terhadapnya untuk bertanding dalam pemilihan parti itu.

"Kalau dia tak mempunyai 'court case' (kes mahkamah) kita tak boleh buat apa-apa," kata beliau.

Dr Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas tawaran bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik untuk bertanding sebagai Ketua Bahagian Kota Melaka pada pemilihan bahagian itu Mac depan.

Bercakap pada persidangan berita selepas melawat tapak projek perumahan Taman Bunga Raya di Bukit Beruntung dekat sini, Dr Mahathir berkata beliau belum membaca laporan tawaran Rahim itu yang disiarkan dalam akhbar hari ini.

Rahim berkata semalam beliau bersedia menawarkan diri kalau ada pencalonan yang munasabah, untuk "berbakti kepada Umno demi melaksanakan tugas-tugas Umno yang diamanahkan sebagaimana yang dikehendaki dalam perlembagaan Umno."

Semalam juga, Ketua Bahagian Kota Melaka, Datuk Nasir Manap yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka mengumumkan beliau akan bersara daripada menerajui bahagian itu setelah memimpinnya selama 15 tahun.

Rahim setakat ini telah menerima dua pencalonan, dari Cawangan Umno Ujung Pasir Pantai dan Tengkeru dalam bahagian Kota Melaka yang mempunyai sejumlah 43 cawangan, untuknya bertanding sebagai Ketua Bahagian.

Ketika ditanya sama ada Rahim berhak untuk bertanding, Dr Mahathir berkata: "Kita (Umno) punya 'ban' (larangan) pada orang yang ada 'court case' (kes di mahkamah)."

Katanya, budaya Umno ialah "kita tak boleh menyalahkan orang yang tak didapati bersalah."

"Kita tak boleh (bertindak) hanya sebab kita 'suspicious' (syak wasangka). Kita kena pegang pada undang-undang. Kalau seseorang itu didapati, mengikut undang-undang, tak bersalah, kita tak boleh kata walaupun tak bersalah tetapi sebenarnya kita tahu dia bersalah," katanya.

-- BERNAMA

ES NMO